




MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK ;
ZAKAT ITU URUSAN
PEMERINTAH**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"ZAKAT ITU URUSAN PEMERINTAH".1

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ إِنْ مَكَنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَاهَوْا
الزَّكٰوةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلّٰهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ
ۚ

2

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى ءَالِهٖ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللّٰهَ أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ
ۚ

5

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.

6

Marilah sama-sama kita hidup khutbah pada hari ini yang bertajuk "**ZAKAT ITU URUSAN PEMERINTAH.**"

Hadirin sidang Jumaat sekalian,



Ketahuilah bahawa zakat merupakan satu ibadah yang sangat dekat dengan pemerintah. Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran melalui surah al-Hajj ayat 41 yang telah disebut di awal khutbah ini yang bermaksud:

"laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."

7

Ayat di atas merupakan salah satu ayat terawal yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW setelah Baginda SAW tiba di Madinah. Ia bermakna, ayat berkenaan adalah antara ayat-ayat Madaniah iaitu ayat-ayat yang lebih menekankan kepada aspek pelaksanaan Syariat Islam termasuklah zakat.

8

Persoalannya, kenapakah Allah SWT tidak menurunkan wahyu itu di Mekah, dan memerintahkan Nabi SAW untuk melaksanakan kewajipan zakat di sana?

9

Ya, kerana sangat jelas bahawa sewaktu era Mekah, Nabi SAW tidak mempunyai ciri-ciri pemerintah yang membolehkan baginda untuk melaksanakan zakat. Di Mekah, Nabi SAW tidak mempunyai kuasa legislatif (perundangan), eksekutif (penguatkuasaan) dan judiciary (kehakiman).

Hakikatnya, ketiga-tiga perkara ini merupakan asas utama dalam pemerintahan, dan ia hanya ada pada Nabi SAW sewaktu di Madinah. Maka, atas dasar itulah Allah SWT telah memerintahkan Nabi agar melaksanakan zakat secara sempurna di Madinah.

10



Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Selain ayat di atas, masih banyak lagi ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa zakat adalah urusan pemerintah. Misalnya, Allah SWT berfirman dalam surah al-Taubah ayat 103:

11

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat)."

Dalam ayat ini, kalimah 'ambil' itu bersifat kata perintah (*fi'il amr*). Dalam konteks ini, hanya pihak pemerintah sahajalah yang mempunyai kuasa untuk mengambil milikan orang lain, sama ada dalam keadaan mereka suka atau sebaliknya.

12

Ia bermaksud, selain pemerintah mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk memerintahkan orang lain mengeluarkan hartanya. Sebagai perbandingan, di Malaysia hanya Lembaga Hasil Dalam Negeri yang berhak mengambil cukai pendapatan daripada kita secara paksa (undang-undang).

Jelas bahawa pihak pemerintah jugalah yang berhak melantik pemungut zakat untuk mengambil zakat dari umat Islam. Seandainya bayaran cukai wajib diserahkan kepada pihak yang dilantik oleh pemerintah, maka sudah tentulah zakat yang lebih jelas arahannya oleh Allah SWT lebih utama untuk diserahkan kepada wakil pemerintah.

13



Justeru ketika Nabi Muhammad SAW mengutuskan Muaz bin Jabal Radiallahu'anhu sebagai gabenor ke Yaman, maka nabi telah menggariskan satu arahan yang sangat jelas mengenai zakat kepada Muaz. Hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ غَنِيمَةِ فَتَرَدُّ عَلَى فَقِيرِهِمْ

14

"Maka khabarkan kepada mereka (penduduk Yaman), bahawa Allah juga telah mewajibkan bagi mereka zakat dari harta mereka, iaitu diambil dari orang-orang kaya di antara mereka dan disalurkan untuk orang-orang fakir dalam kalangan mereka."

15

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Di sini, Nabi SAW telah memerintahkan agar Muaz mengambil zakat atas kapasiti beliau sebagai pemerintah di Yaman. 'Punca kuasa' itu pula datangnya daripada Nabi SAW yang merupakan Ketua Pemerintah Negara Islam di Madinah.

16

Dalam hadis yang sama juga, Baginda SAW telah memerintahkan penduduk Yaman supaya menyerahkan zakat mereka kepada Muaz sahaja selaku pemerintah, dan tidak menyerahkannya sesuka hati mereka kepada orang lain.

17

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mutakhir ini kesedaran umat Islam terhadap zakat semakin baik. Namun begitu, masih ramai yang beranggapan bahawa zakat adalah urusan peribadi dan bukannya urusan pemerintah. Sedangkan, pemerintah hakikatnya berhak menguatkuasakan undang-undang untuk memastikan zakat terlaksana dengan baik di negeri ini.

18



Buktinya, sejarah telah memaparkan ketegasan Abu Bakar al-Siddiq Radiallahu'anhu sebagai khalifah dengan mengenakan undang-undang yang tegas kepada golongan yang enggan membayar zakat. Abu Bakar al-Siddiq Radiallahu'anhu telah berkata:

19

وَاللَّهِ لَا يُقْاتِلُنَّ مَنْ فَرَقَ بَيْنَ الصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ

"Demi Allah, aku akan memerangi orang-orang yang membezakan antara solat dan zakat."

(Riwayat al-Bukhari).

Tindakan Abu Bakar ini menjadi bukti bahawa zakat adalah dalam kawalan pemerintah. Seandainya umat Islam enggan melaksanakannya sesuai dengan arahan, maka mereka boleh dikenakan tindakan yang sesuai sehingga mereka tunduk kepada kehendak pemerintah.

20

Ketahuilah bahawa menyerahkan zakat kepada pemerintah adalah satu sunnah yang sangat utama dan mempunyai banyak kebaikan. Di antaranya:

1. Pihak amil yang melakukan kutipan zakat, dapat mengira dengan pasti bahawa zakat yang dikeluarkan itu adalah tepat. Ia dapat mengelakkan seseorang daripada mengeluarkan zakat dengan tidak betul atau salah kiraannya.
2. Penyaluran dana zakat kepada asnaf yang lapan juga dipastikan sampai kepada mereka yang benar-benar layak. Ia dapat mengelakkan isu zakat tidak sah apabila tersalah menyalurkan zakat kepada individu yang bukan asnaf.
3. Pengagihan zakat juga akan berlaku dengan lebih adil dan berkesan, kerana pihak pemerintah mempunyai autoriti dalam menjana data yang cukup bagi mengenalpasti tahap kemiskinan sebenar di sebuah negeri.

21



4. Pengelolaan dana zakat adalah teratur kerana agihan zakat dipandu oleh keputusan fatwa dari Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
5. Pelaporan pengurusan zakat juga dilakukan dengan telus serta dipastikan bersih dalam kawalan pelbagai badan berautoriti seperti Jabatan Audit Negara.
6. Dapat menangani kemiskinan secara holistik melalui sistem yang dikawal dengan baik oleh pihak pemerintah, dan bukannya oleh individu atau sesebuah pertubuhan yang mudah berlaku bias atau pilih kasih.

22

Hadirin sekalian,

Di Selangor, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor merupakan Ketua Agama Islam dan sekaligus menjadi pemerintah dalam hal-ehwal agama Islam di negeri ini, serta wajib ditaati arahannya sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 59:

23

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُلِّ

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

24

Dengan kuasa pemerintahan yang ada pada baginda, DYMM Sultan Selangor telah memerintahkan agar urusan zakat di negeri ini dikendalikan sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), sebagai entiti yang sah di bawah Majlis Agama Islam Selangor bertanggungjawab penuh dalam urusan zakat.

25



Maka, umat Islam di negeri ini hendaklah mematuhi arahan perintah DYMM Sultan Selangor dalam melaksanakan kewajipan zakat. Ia bukan sahaja mematuhi arahan Allah SWT, bahkan sudah terbukti bahawa Lzs selama ini telah mampu memainkan peranannya dengan sangat berkesan dalam membantu umat Islam di negeri ini.

26

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah sekalian

Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa zakat itu adalah di bawah tanggungjawab pemerintah.
2. Umat Islam juga hendaklah menyedari bahawa di negeri Selangor, Lzs telah diamanahkan oleh DYMM Sultan Selangor sebagai wakil pemerintah untuk melaksanakan urusan zakat.
3. Umat Islam berpeluang melaksanakan kewajipan zakat melalui 23 kaunter Lzs di seluruh negeri, atau melalui medium *online* ataupun menerusi ejen-ejen zakat bertauliah demi memastikan ia benar-benar berkesan kepada asnaf yang menerimanya.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُونَ الْزَّكُوةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾

28

"Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)."

29

(Surah al-Maidah : 55).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنَّ لَا

إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا

2

مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ

3

الْمُتَّقُونَ.

4

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.

5

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.

6

Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarati dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berdasarkan keimanan yang mantap.

7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

8

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥﴾

9

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهِ
عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَدُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

10

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

11

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

12

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

13

جلالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

14



اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ
عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفَ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ

15

الْحَاجِ،

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرْمِكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ

16

الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

17

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

18

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

19

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

20



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

21

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

22

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

23

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

24